



Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru  
Johor, Malaysia

Tel: +(6)07-5557670/57690 Faks: +(6)07-5557623 <http://islamic.utm.my> Emel:iti@utm.my

RUJUKAN KAMI : UTM.J.33/19.11/2.Jld.6 ( 21 )

31 Oktober 2016

RUJUKAN TUAN :

PROFESOR MADYA DR. ADLI YAACOB  
KULLIYAH OF ISLAMIC REVEALED KNOWLEDGE AND HUMAN SCIENCES  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA,  
P.O. BOX 10, 50728 KUALA LUMPUR

Yang Berbahagia Prof./Prof. Madya/PM Dr./Dr./Tuan/Puan,

PENERIMAAN ABSTRAK DAN KERTAS KERJA PENUH UNTUK PEMBENTANGAN DI  
SEMINAR ANTARABANGSA PENDIDIKAN ISLAM DAN PENYELIDIKAN (ICIER2016)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, abstrak dan kertas kerja penuh bertajuk seperti di bawah telah kami terima dan Prof./Prof. Madya/PM Dr./Dr./Tuan/Puan akan kami masukkan dalam senarai pembentang seminar ICIER2016. Maklumat kertas kerja adalah sebagaimana berikut:-

FALSAFAH DAN KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT PROFESOR  
SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS.

3. Sehubungan dengan itu juga, pihak pembentang amat digalakkan untuk menempah dengan segera penginapan memandangkan seminar ICIER2016 diadakan dalam masa cuti persekolahan.

4. Segala kerjasama amat dihargai dan didahului dengan berbanyak terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,

(PROF MADYA DR MOHD ISMAIL BIN MUSTARI)

Pengarah Seminar Antarabangsa ICIER2016

Timbalan Dekan Akademik,

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

Tel : 607-5557624 (Pej.), 6019-7435108 (hp), 607-5557636 (ICIER2016 Secretariat)

Website: [www.utm.my/icier2016/](http://www.utm.my/icier2016/)

s.k Fail

Profesor Madya Dr. Adli Yaacob  
Jabatan Bahasa Arab dan Sastera,  
Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,  
Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.  
*Assalamualaikum*

Prof/PM Dr./PM/Dr./Tn./Pn.,

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATAN KUASA PENERBITAN SEMINAR ANTARABANGSA  
PENDIDIKAN ISLAM DAN PENYELIDIKAN (ICIER2016)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita diakhlamkan bahawa Jawatan Kuasa Penerbitan Seminar ICIER2016 telah bersetuju-

- |     |                    |   |
|-----|--------------------|---|
| 2.1 | Tajuk kertas kerja | : FAISAFAH DAN KONSEP SASTERA ISLAM<br>MENGIKUT PROFESOR SYED MUHAMMAD<br>NAQUIB AL-ATTAS |
| 2.2 | Kepatuhan          | : ARTIKEL UNTUK JURNAL  |
| 2.3 | Jurnal             | : INTERNATIONAL JOURNAL OF RELIGION<br>RESEARCH IN EDUCATION (IJoRRIE)                    |

3. Sehubungan dengan itu, artikel Prof/PM Dr./PM/Dr./Tn./Pn., akan didaftarkan dalam jurnal *online* terbabit (peer reviewed journals) serta akan melalui proses penilaian hingga diterbitkan. Sila rujuk emel untuk mendapatkan nama pengguna, kata laluan dan Zirk'haji untaian secerasnya.

4. Kami mengucapkan berbanyak terima kasih atas sumbangan artikel tersebut dan berharap agar proses ini dapat diselesaikan sehingga artikel diterbitkan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Yang Benar

(PROF. MADYA DR. AJMAIN BIN SAFAR)

Ketua,  
Research Group Pendidikan Islam,  
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.  
Tel : 607-5557678 (Pej.), 6019-7152540 (hp), 607-5557636 (ICIER2016 Secretariat)  
Website: [www.utm.my/icier2016/](http://www.utm.my/icier2016/)  
s.k - Fail



# INTERNATIONAL JOURNAL OF RELIGION RESEARCH IN EDUCATION

Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Profesor Syed Muhammad Naquib Al-Attas

(Philosophy and the Concept of Islamic Literature According to Professor Syed Muhammad Naquib Al-Attas)

Adli Yaacob  
Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia  
adlihy@jiuum.edu.my.

## Abstrak

Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan seorang intelektual yang berwibawa. Banyak idea ideanya mempengaruhi para ilmuwan di Malaysia dan dunia luar. Beliau merupakan tokoh penting yang mencetuskan idea 'islamisasi' disamping Syed Qutb dan Ismail al-Faruqi. Kajian ini, menjelaskan tentang mencari makna 'al-adab' (sabam al-Adab) dalam menentukan teori dan konsep sastera Islam. Mauduk ini berkaitan rapat dengan idea 'Islamisasi' yang heboh di bicarakan. Apabila idea Islamisasi diutarakan ada pihak menerima dan ada yang menolak. Banyak pihak boleh menerima islamisasi dalam bidang pendidikan, ekonomi, undang undang dan sebaginya tetapi tidak dalam bidang sastera. Hal ini kerana sastera adalah sesuatu yang berkaitan dengan khayalan. Apa mungkin khayalan di 'Islamisasi' kan? Kajian ini menjelaskan tentang konsep sastera Islam yang dipaksakan atas dasar 'al-haq' (kebenaran) yang sebenar tidak seperti agama agama lain khususnya Kristian sebagai agama samawi yang mempunyai pengikut terbanyak dunia. 'Al Haq' inilah yang menumbuhkan kebudayaan dalam Islam. Dasar dan ajaran Islam masih suci dan kekal sebagai amanah dari Allah swt, tidak seperti agama Kristian yang telah diubah sehingga hilang sifat 'otentik' nya sebagai agama dari Allah swt. Jesteru hanya kebenaran dapat menghasilkan kebenaran dan bidayah. Sesuatu yang palsu mustahil dapat menghasilkan kebenaran yang sebenar yang mempunyai kaitan kerohanian dengan pencipta, kerana Allah swt hanya menerima yang benar dan ikhlas sahaja dalam urusan agamanya.

**Kata Kunci:** Konsep sastera Islam, al-Haq (kebenaran), Islamisasi, hakikat beragama, sastera, karya, pemikiran.

## Abstract

Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas is an authoritative intellectual. Many of his idea influences scientists in Malaysia and the outside world. He is an important figure that sparked the idea of 'Islamism' besides Syed Qutb and Ismail al-Faruqi. This study explains how to find the meaning of 'al-adab' (understand al-Adab) in determining the theory and concept of Islamic literature. This is closely linked to the idea of a 'Islamization' that is pranking. If the idea of Islamization is expressed there is acceptance and there is a sign. Many parties may accept Islam in the fields of education, economics, law and so forth but not in the field of literature. This is because literature is something that is related to fantasy. What can be imagined in 'Islamization' right? This study explains the concept of Islamic literary literature on the basis of 'al-haq' (true) unlike other religious faiths, especially Christians as the most religious followers of the world. 'Al Haq' is what grows culture in Islam. The fundamentals and teachings of Islam are still sacred and remain as a trust from Allah swt, unlike the Christian religion that has been changed to its 'authentic' nature as the religion of Allah swt. Jesteru only permits the truth and guidance. Something false is impossible to produce the true truth that has a spiritual connection with the creator, because Allah swt only accepts the true and sincere in the affairs of his religion.

**Keywords:** The concept of Islamic literature, al-Haq (truth), Islamization, religious essence, literature, work, thought.

## PENDAHULUAN

Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas<sup>1</sup> merupakan seorang personaliti intelektual Melayu yang mempunyai peranan yang besar dalam dunia keilmuan di Alam Melayu secara khusus dan dunia secara amnya (terutamanya

<sup>1</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas adalah seorang cendekiawan Islam yang berasal dari Malaysia. Beliau dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Indonesia. Beliau menguasai teologi, filsafat, metafisika, sejarah, dan kesusasteraan Islam. Beliau juga menulis berbagai buku di bidang pemikiran dan peradaban Islam, khususnya tentang sufisme, kosmologi, filsafat, dan kesusasteraan Malaysia. Beliau juga merupakan Profesor Universiti dalam Pemikiran dan Tamadun Islam serta Pengasas Institusi Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam serta Penyandang Kerusi Terama al-Ghazali dalam Pemikiran Islam. Moyang al-Attas berasal dari Hadramaut (keturunan Arab Yaman). Ibunya dari keturunan Sunda, yang menyebabkan beliau memperoleh pendidikan Islam disini. Sementara dari sebelah ayahnya, beliau mendapat pendidikan kesusasteraan, bahasa, dan budaya Melayu. Ayahnya berasal dari keturunan bangsawan Johor, membuatkan al-Attas memberi banyak perhatian tentang budaya Melayu sejak muda. Kedua orang tuanya ingin beliau sejak kecil mendalamai ilmu di negeri jiran, Malaysia. Lantaran itu, sejak usia 5 tahun, beliau telah diantar ke